



**LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN
KHAMIS 22 MEI 2025**

BIL	TAJUK KERATAN AKHBAR	KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI
1.	KETAHUI DASAR PERTANIAN NEGARA, CETUSAN, SINAR HARIAN- 17	KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN (KPKM)
2.	KELANTAN SASAR JADI JELAPANG MAKANAN 2025, SG4 KELANTAN, HAKAH- H11	JABATAN PERTANIAN MALAYSIA (DOA)
3.	MAQIS SITA 51.3 TAN PRODUK IKAN SEJUK BEKU, LOKAL, HARIAN METRO- 10	JABATAN PERKHIDMATAN KUANTIN DAN PEMERIKSAAN MALAYSIA (MAQIS)
4.	THE STAR BAGS TOP AWARDS AT AGROBANK MEDIA AWARDS 2025, NATION, THE STAR -12	AGROBANK
5.	PENDARATAN TUNA MENINGKAT 143 PERATUS, NEGERI, SINAR HARIAN-25	JABATAN PERIKANAN MALAYSIA (DOF)
6.	'SERAH ANJING LIAR KEPADA NGO PENCIPTA HAIWAN', NEGERI, SINAR HARIAN- 24	JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR (DVS)
7.	202 KUCING DIMANDULKAN DALAM MASA 24JAM, NEGERI, SINAR HARIAN -24	
8.	NAFAS UMUM KADAR DIVIDEN 10 PERATUS, NASIONAL, SINAR HARIAN- 7	PERTUBUHAN PELADANG KEBANGSAAN (NAFAS)
9.	TERENGGANU HAMPIR CAPAI PENGELUARAN PADI TERTINGGI NEGARA, SG4 TERENGGANU, HAKAH- H14	LAIN-LAIN
10.	PERTANIAN PELABURAN MASA DEPAN, BUKAN PEMBAZIRAN, SG4 TERENGGANU, HAKAH- H14	
11.	LUAS SIASAT PREMIS TERNAK LEMBU BERHAMPIRAN SUNGAI LANGAT, NEGERI, SINAR HARIAN- 25	
12.	TANAM DURIAN MUSANG KING DI TANAH FELDA, DALAM NEGERI, UTUSAN MALAYSIA- 29	
13.	UDANG MERAH KINI 'RAJA BUAH', NEGARA, KOSMO- 12	

UKK KPKM

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN
(UNTUK EDARAN DALAMAN KPKM, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

Ketahui dasar pertanian negara



DR ANIS YUSOFF

Baru-baru ini saya hadir dalam satu majlis taklimat yang diadakan di Kementerian Ekonomi bagi menerangkan tentang beberapa dasar negara yang telah dibentuk bagi menjamin masa depan rakyat.

Mungkin ramai tidak tahu tetapi banyak perancangan dan dasar negara telah dibentuk bagi membantu rakyat terutama mereka yang terlibat dalam sektor pertanian.

Dalam tempoh Rancangan Malaysia Kedua Belas (RMK-12) umpamanya, sektor pertanian terus diberi perhatian strategik bagi memastikan jaminan bekalan makanan, kelestarian pengeluaran serta menjaga ekonomi luar bandar.

Beberapa dasar penting telah dilaksanakan termasuk Dasar Agromakanan Negara (DAN) 2.0, Pelan Tindakan Dasar Sekuriti Makanan Negara 2021-2025, Dasar Agrikomoditi Negara 2021-2030 (DAKN 2030), Pelan Tindakan DAKN, serta Pelan Tindakan Biojisim Negara. Kesemua inisiatif ini bertujuan mentransformasi sektor pertanian ke arah yang lebih mampan, berdaya saing dan

berteknologi tinggi.

Sebagai contoh, DAN 2.0 (2021-2030) membantu memperkukuh agenda keselamatan makanan negara dengan memberi tumpuan kepada peningkatan pengeluaran domestik, pengurusan rantaian bekalan yang lebih cekap serta digitalisasi pertanian. Pelan Tindakan Sekuriti Makanan Negara 2021-2025 pula memperincikan langkah-langkah bagi menangani isu ketidaktentuan rantaian bekalan global, terutama selepas krisis Covid-19 dan konflik geopolitik.

Inisiatif seperti penggunaan teknologi Internet of Things (IoT) dalam pertanian, pemberian insentif kepada agropreneur muda serta penubuhan agropark telah menyumbang kepada peningkatan pengeluaran makanan asas seperti sayur-sayuran, buah-buahan dan ayam.

Namun begitu, kebergantungan kepada import makanan masih tinggi, melebihi RM60 bilion setahun, menandakan ruang pembetulan yang besar.

Kalau kita lihat DAKN 2030 pula, melalui pelan tindakannya kita boleh melihat bagaimana ia memberi fokus kepada pemodenan industri kelapa sawit, getah, koko, lada, kenaf dan biofuel.

Pendekatan 'Komoditi Bertanggungjawab' yang menekankan kelestarian alam, kepatuhan kepada amalan buruh yang adil dan penjiliran lestari semakin diterima di peringkat antarabangsa.

Impak ketara termasuklah peningkatan eksport produk sawit yang bersijil

MSPO serta pengenalan produk inovatif berasaskan kenaf dan biojisim.

Namun, cabaran kekurangan tenaga kerja, tekanan pasaran global dan persepsi negatif terhadap industri sawit terus menjadi isu utama.

Perkara-perkara seperti ini perlu dijelaskan kepada rakyat terbanyak agar semua lapisan masyarakat dapat turut serta memahami usaha kerajaan dan membantu dalam merealisasikan hasrat dan cita-cita negara.

Satu lagi Pelan yang perlu diketahui rakyat adalah Pelan Tindakan Biojisim Negara. Pelan ini menyasarkan penggunaan sisa pertanian seperti tandan kosong kelapa sawit, hampas sawit dan jerami padi sebagai sumber tenaga boleh diperbaharui.

Beberapa projek rintis menunjukkan potensi biojisim dalam menjana elektrik luar bandar dan baja organik, namun ekosistem pelaburan dan rantaian nilai masih belum matang.

Antara cabaran besar yang dihadapi dalam pelaksanaan pelan ini adalah fragmentasi tanah.

Daripada segi penuaan petani pula, lebih 60 peratus petani berumur lebih 50 tahun, dan golongan muda kurang berminat menceburi sektor ini.

Lebih menyulitkan keadaan adalah dengan ketidaktentuan iklim. Perubahan cuaca memberi impak besar kepada hasil tuaian. Akibatnya sehingga hari ini negara kita Malaysia masih bergantung

kepada import makanan dan input pertanian.

Bagi menjamin pertanian berimpak tinggi dan ketenteraman makanan, kerajaan perlu mempercepat penggunaan teknologi terkini seperti automasi, kecerdasan buatan (AI), robotik dan sistem pertanian pintar.

Dalam taklimat yang saya hadir itu, saya difahamkan bahawa semua ini sedang dirancang dan sedang dilaksanakan. Saya juga telah mewujudkan bahawa kerajaan juga telah mewujudkan persekitaran pelaburan yang menarik bagi sektor pertanian bernilai tinggi seperti herba, florikultur dan produk bioteknologi.

Yang paling penting, rakyat perlu disedarkan bahawa sekuriti makanan bukan sekadar tanggungjawab kerajaan atau petani sahaja.

Sektor pertanian masa depan bukan lagi kerja berat bersabit cangkul dan berpeluh, tetapi sektor teknologi tinggi yang menjanjikan hasil ekonomi yang lumayan dan kelestarian negara. Inilah masa untuk menyemai sokongan rakyat demi menjamin makanan di meja dan kemakmuran tanah air terus terjamin.

** Datuk Dr Anis Yusoff ialah Pengarah Eksekutif di INPUMA & UM LEAD, Universiti Malaysia. Beliau juga adalah Felo Utama di KITA, UKM dan pernah menjadi Presiden Institut Integrasi Malaysia dan Timbalan Ketua Pengarah GIACC, JPM.*

Kelantan sasar jadi Jelapang Makanan 2025

KOTA BHARU: Menteri Besar Kelantan, Dato' Panglima Perang Ustaz Dato' Mohd Nassuruddin Daud menegaskan kepentingan pelaksanaan projek-projek pertanian secara strategik dan menyeluruh dalam merealisasikan sasaran menjadikan Kelantan sebagai Jelapang Makanan Negara menjelang tahun 2025.

Beliau berkata demikian selepas mempengerusikan Mesyuarat Anggota Lembaga Pengarah Perbadanan Kemajuan Pertanian Negeri Kelantan (PKPNK) yang berlangsung di Mabna pada 13 Mei 2025.

Menurut beliau, pelbagai inisiatif sedang dilaksanakan dalam usaha memperkukuh sektor pertanian sebagai antara penyumbang utama kepada keselamatan makanan



Dato' Panglima Perang Ustaz Dato' Mohd Nassuruddin Daud
negara.
"Antara yang dibincangkan ialah perkembangan pro-

Pasar Rakyat KelAgro yang kini beroperasi di 10 jajahan dan menawarkan barangan dapur segar pada harga mampu milik membuktikan kesungguhan iltizam kerajaan negeri dalam membantu rakyat melalui subsidi langsung kepada harga barangan asas.

jek penting seperti Rong Chennok Agro Valley (RCAV), Kilang Padi Darul Naim di Meranti, serta pembangunan penternakan lembu tenusu secara lebih menyeluruh di seluruh negeri.
"Ketiga-tiga projek ini diselenggarakan dengan kerjasama

maklum balas yang diterima amat positif.

"Pasar Rakyat KelAgro yang kini beroperasi di 10 jajahan dan menawarkan barangan dapur segar pada harga mampu milik membuktikan kesungguhan iltizam kerajaan negeri dalam membantu rakyat melalui subsidi langsung kepada harga barangan asas," ujarnya.

Dato' Mohd Nassuruddin turut merakamkan penghargaan terhadap sokongan rakyat dan mendoakan agar segala perancangan serta pelaksanaan usaha pertanian di negeri ini dipermudahkan Allah SWT.

"Semoga segala usaha ini berjalan dengan lancar demi kesejahteraan rakyat dan kemakmuran negeri Kelantan," katanya.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
22/5/2025	HARIAN METRO	LOKAL	10

Butterworth: Sebanyak 51.3 tan produk ikan sejuk beku mengandungi asid deoksiribonukleik (DNA) babi dan ayam dari China disita dalam pemeriksaan di Terminal Kontena Butterworth Utara (NBCT) di sini, kelmarin.

Jabatan Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia (Maqis) Pulau Pinang dalam kenyataan berkata, tindakan sitaan diambil selepas pemeriksaan yang dijalankan mendapati dokumen import dagangan mengandungi maklumat yang mengelirukan.

"Barangan itu diisytiharkan sebagai 'frozen cuttlefish intestines' berbentuk sosej sejuk beku, 'frozen cuttlefish balls' dan 'frozen cuttlefish tofu'.

"Namun, analisis oleh Jabatan Kimia Malaysia mengesahkan produk itu mengandungi DNA babi dan ayam di mana ia bercanggah dengan deklarasi asal dalam dokumen import," katanya.

Katanya, susulan itu dagangan bernilai lebih RM63,000 disita mengikut Seksyen 13 Akta Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Mala-

Maqis sita 51.3 tan produk ikan sejuk beku



PEGAWAI penguat kuasa Maqis Pulau Pinang melakukan pemeriksaan sebelum menemui 51.3 tan produk ikan sejuk beku yang mengandungi DNA babi dan ayam di Teminal Kontena Butterworth Utara (NBCT).

aysia 2011 kerana mengemukakan maklumat palsu, tidak tepat atau mengelirukan.

"Pengimport telah dikenakan kompaun dan barangan dagangan akan dilupuskan mengikut tindakan penguatkuasaan yang diperuntukkan di bawah

akta sama.

"Maqis tidak akan berkompromi dengan sebarang pelanggaran syarat dan cubaan membawa masuk produk makanan yang akan menjejaskan keselamatan dan keterjaminan makanan negara," katanya.

The Star bags top awards at Agrobank Media Awards 2025

By REBECCA RAJAENDRAM
rebeccagr@thestar.com.my

PETALING JAYA: The Star bagged the two top awards for the Print Media and News Portal category at the Agrobank Media Awards 2025 last night.

Star Media Group (SMG) education journalist Rebecca Grace Rajaendram, 36, was named the winner of the Best News Article award while StarMetro chief reporter Jade Chan, 43, won the Best Features Article, with each receiving RM5,000 and a trophy at the awards ceremony.

Titled "Getting youth into farming", Rebecca Grace's article was featured in StarEdu, SMG's education pullout on Dec 22 last year, highlighting the importance of leveraging Gen Z and their tech expertise to grow the agriculture sector.

Chan's "Sowing seeds of self-reliance among youths with special



Big wins: Chan (left) and Chin (right), who is representing Rebecca Grace, celebrating their wins with Wang at the Agrobank Media Awards 2025. — CHAN TAK KONG/The Star

needs" published on Jan 7 this year, featured two community gardens in Selangor that help differently-abled young adults to develop their green thumb, cultivating not just plants but also self-esteem, communication and social skills.

Held at a hotel here last night, the awards recognised the work of media personnel who report

her fellow journalists.

Last year, she took home the first prize in the Print Media and News Portal (Best Features Article) category.

Her colleague, Chan said she is grateful that the financial institution recognised community oriented projects and their positive impact.

"I hope the win highlights lesser known agricultural oriented projects that help marginalised communities," she added.

Jointly organised by Agrobank and the Malaysian Press Institute (MPI), the event featured six award categories, including the Online Video and Television Broadcasting Media Award, the Radio Media Award and the Agrobank Technology and Digital Award.

In his speech, Agrobank president and chief executive officer Datuk Tengku Ahmad Badli Shah Raja Hussin said the financial

institution valued its media partners who consistently support, report and serve as a bridge between the institution and the public.

"The media plays a crucial role in strengthening the positive narrative about modern agriculture, food security and various initiatives by the government to develop this sector," he said.

The ceremony also witnessed the launch of the Agro Biz Awards 2025, a prestigious award that aims to recognise excellence and outstanding contributions by industry players in strengthening the nation's food security agenda.

Also present were Agriculture and Food Security Ministry secretary-general Datuk Seri Isham Ishak, MPI CEO Ainol Amriz Ismail, SMG chief operating officer Lydia Wang and deputy executive editor Christina Chin, who received the award on behalf of Rebecca Grace.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
22/5/2025	SINAR HARIAN	NEGERI	25

Pendaratan tuna meningkat 143 peratus

GEORGE TOWN - Pulau Pinang mencatat lonjakan besar dalam industri pendaratan ikan tuna apabila sebanyak 431 tan metrik direkodkan pada tahun lalu, meningkat lebih 143 peratus berbanding hanya 177 tan metrik pada tahun 2023.

Exco Agroteknologi dan Keterjaminan Makanan, Pembangunan Koperasi, Fahmi Zainol berkata, peningkatan itu turut melibatkan nilai pendaratan iaitu RM7.76 juta bagi 2024 berbanding RM3.19 juta pada 2023.

"Trend ini menunjukkan potensi besar Pulau Pinang untuk muncul sebagai hab utama pendaratan serta pemprosesan tuna negara bagi pasaran domestik dan antarabangsa," katanya ketika sesi penggulungan di Sidang Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang di sini pada Rabu.

Fahmi (PKR-Pantai Jerejak) berkata, kerajaan negeri sedang merangka strategi jangka panjang dengan memberi tumpuan terhadap penambahbaikan fasiliti, infrastruktur, logistik dan perkhidmatan sokongan berkaitan industri itu.

"Beberapa lokasi strategik juga sedang dipertimbangkan bagi mewujudkan pelabuhan pendaratan tuna baharu, namun berdepan kekangan pemilikan tanah dan kesesuaian kapal tuna berlabuh," katanya.

Menurutnya lagi, sektor perikanan Pulau Pinang secara keseluruhan turut mencatat peningkatan memberangsangkan dengan jumlah pendaratan hasil laut sebanyak 39,231.34 tan metrik tahun ini, berbanding 38,226.24 tan metrik pada 2023.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
22/5/2025	SINAR HARIAN	NEGERI	24

'Serah anjing liar kepada NGO pencinta haiwan'

SEREMBAN - Pertubuhan bukan kerajaan (NGO) mencadangkan supaya anjing liar yang ditangkap diserahkan kepada NGO pencinta haiwan untuk diuruskan dan bukannya terus dilupuskan.

Cadangan itu merupakan antara dikemukakan 18 NGO dari kawasan Nilai dalam memorandum yang dihantar kepada Pejabat Menteri Besar Negeri Sembilan pada Rabu.

NGO itu terdiri daripada Kawasan Rukun Tetangga (KRT), persatuan penduduk, Persatuan Ibu Bapa dan Guru, surau serta masjid yang diketuai Ketua Pemuda Parti Kongres India Muslim Malaysia (Kimma) Negeri Sembilan, Syed Alwi Syed Jaafar.

Memorandum diserahkan kepada Pejabat Menteri Besar yang diwakili Setiausaha Politik Menteri Besar, Nor Azman Mohamad.



Syed Alwi (dua dari kanan) menyerahkan memorandum kepada Nor Azman.

Menurut Syed Alwi, memorandum diserahkan bagi menyokong usaha kerajaan negeri menoktahkan isu anjing liar yang semakin membimbangkan selain mengancam keselamatan awam.

"Jadi dalam memorandum itu, kita telah memberi beberapa cadangan kepada kerajaan negeri bagi mengatasi masalah anjing liar ini.

"Antaranya ialah kerajaan negeri dicadangkan bekerjasama dengan NGO pencinta haiwan melalui pihak berkuasa tempatan yang ditugaskan menangkap haiwan itu.

"Jadi setiap tangkapan perlu maklumkan kepada NGO pencinta haiwan dan beri masa tiga hari kepada mereka untuk ambil anjing-anjing itu," katanya pada Rabu.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
22/5/2025	SINAR HARIAN	NEGERI	24

202 kucing dimandulkan dalam masa 24 jam

MELAKA – Sebuah pasar raya kucing di Paya Rumput di sini membantu kira-kira 202 kucing jantan dengan melaksanakan program mengembiri secara percuma dalam tempoh 24 jam.

Pengarah Urusan Cat Supermarket, Datuk Chew Chert Fong berkata, program tanggungjawab sosial korporat (CSR) itu bertujuan membantu mengawal populasi kucing terutama kucing terbiar.

Menurutnya, ia sekali gus mengurangkan beban kewangan dipikul pusat perlindungan dan pemilik haiwan.

“Sering kita lihat di kedai makan dan jalanan banyak kucing tiada pemilik dan adanya usaha ini dapat mengurangkan jumlah kucing terbiar.

“Lebih penting, usaha ini menjimatkan kos kerana dianggarkan kos mengembiri adalah RM200 bagi seekor kucing,” katanya.

Beliau berkata demikian selepas menerima sijil pengiktirafan Malaysia Book of Records (MBOR) bagi program CSR tersebut di Cat Supermarket, Jalan IKS Paya Rumput 1 di sini pada Rabu.

Jelasnya, program kolaborasi bersama jenama makanan haiwan antarabangsa, Brit Malaysia dan pasukan veterinar dari CS Vet Medical Centre itu berjaya memberi penjimatan sebanyak RM40,400.

Sementara itu, Dr Juliyana Abu Sari berkata, proses dilakukan berperingkat selepas ujian saringan kesihatan kucing dijalankan dengan bantuan lima doktor veterinar dan tujuh pembantu prosedur.



Chert Fong (kiri) menunjukkan kucing jantan yang telah melalui proses kembiri.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
22/5/2025	SINAR HARIAN	NASIONAL	7

DPK catat peningkatan pertumbuhan, beri manfaat kepada pelabur

NAFAS umum kadar dividen 10 peratus

Oleh **TUAN BUQHAIKHAIRAH**
TUAN MUHAMAD ADNAN
PUTRAJAYA



Pertubuhan Peladang Kebangsaan (NAFAS) mengumumkan kadar dividen Skim Pelaburan Khas Peladang (SPKP) Dana Peladang Kebangsaan (DPK) sebanyak 10 peratus bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2024.

Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan, Datuk Seri Mohamad Sabu berkata, kadar tersebut merangkumi tujuh peratus dividen dan tiga peratus bonus untuk pelaburan sehingga 100,000 unit pertama, manakala hibah sebanyak 0.75 peratus diberikan kepada akaun simpanan Al-Wadiah DPK.

Beliau berkata, DPK bukan sahaja telah berjaya melaksanakan fungsi sebagai pemegang amanah dana, malah telah membuktikan bahawa dengan pengurusan cekap, telus dan progresif serta mampu menjana pulangan yang mampan dan konsisten.

"Prestasi DPK bagi tahun 2024 telah mencatatkan pertumbuhan yang membanggakan, termasuk dari segi keuntungan, jumlah aset serta pengagihan manfaat kepada pelabur."

"Ini menunjukkan keyakinan pelabur terhadap struktur pentadbiran dan dasar pelaburan yang diterajui oleh DPK semakin kukuh dari tahun ke tahun," katanya.

Beliau berkata demikian ketika Majlis Pengumuman Dividen Skim Pelaburan Khas Peladang, Dana Peladang Kebangsaan, di sini pada Rabu.

Hadir sama ialah Pengerusi Lembaga Pertubuhan Peladang, Datuk Mahfuz Omar dan Pengerusi



Mohamad menyempurnakan gimik pelancaran dalam Majlis Pengumuman Dividen Skim Pelaburan Khas Peladang Dana Peladang Kebangsaan bagi tahun 2024 di Putrajaya pada Rabu.

“

Prestasi DPK bagi tahun 2024 telah mencatatkan pertumbuhan yang membanggakan, termasuk dari segi keuntungan, jumlah aset serta pengagihan manfaat kepada pelabur.”

- Mohamad Sabu

Jawatankuasa Pemandu DPK, Haris Alimudin.

Ujar Mohamad, usaha DPK melebarkan sayap ke dalam portfolio

pelaburan yang pelbagai seperti IPO MITI, projek pertanian moden dan perkhidmatan kewangan khusus turut membuktikan bahawa peladang juga mampu menjadi pemain ekonomi dalam ekosistem lebih luas.

"Saya amat menyokong usaha ini, namun dalam masa yang sama ingin menyeru agar DPK tidak terlalu selesa dengan pencapaian semasa tetapi mestilah terus agresif dalam meneroka ruang pelaburan baharu," jelasnya.

Beliau berkata, sudah sampai masanya untuk DPK memperluas jaringan kerjasama pelaburan, mungkin dengan institusi kewangan lain, syarikat teknologi pertanian atau pelaburan hijau yang kini sedang meningkat naik.

"Saya ingin menekankan agar ketelusan, ketekunan dan prinsip pematuhan syariah terus dikekalkan dalam sebarang keputusan pelaburan yang dilaksanakan."

"DPK juga perlu memastikan bahawa sebarang pengembangan portfolio tidak menggugat asas kepercayaan pelabur, terutamanya ahli peladang yang telah sekian lama menyokong skim ini," katanya.

Dalam pada itu, Mohamad turut menyarankan kempen Go-Invest memasukkan elemen pendidikan, bengkel pelaburan dan simulasi risiko supaya pelabur bukan sahaja menyimpan tetapi turut faham dan terlibat dalam proses pelaburan mereka.

"Saya percaya pendekatan ini akan mewujudkan peladang dan pelabur yang bukan sahaja bijak, tetapi lebih setia dan komited terhadap skim yang ditawarkan oleh DPK," katanya.

Menurutnya, kerjasama berterusan antara kementerian, NAFAS dan DPK

REAKSI

“

Kadar 10 peratus ini kami tidak jangkakan dan saya mewakili ahli yang melabur amat gembira dengan pengumuman ini."



- Pengurus Besar PPK Klang, Masdura Supian

“

Kadar dividen ini sangat kompetitif sebab daripada perbandingan yang kita buat, ini adalah adalah antara pelaburan yang memberi pulangan tinggi."



- Pengurus Besar PPK Batu Pahat Tengah, Syahrin Sarjuni

dalam melahirkan lebih ramai peladang yang celik kewangan amat digalakkan.

"Saya percaya, dividen 10 peratus yang diumumkan hari ini menjadi tanda aras baharu kepada keupayaan DPK dan akan terus menambah keyakinan pelabur terhadap skim ini," katanya.

Prestasi terbaik

Sementara itu, Haris berkata, kadar tahun itu mencerminkan prestasi terbaik setakat ini.

"Kami percaya, agihan ini bukan sahaja kompetitif malah menunjukkan keyakinan pelabur terhadap pengurusan yang cekap dan beretika," katanya.

Secara purata, sejak tiga tahun kebelakangan ini, DPK mencatat pertumbuhan pendapatan sekitar 21 peratus setahun dan pertumbuhan aset sekitar 7.5 peratus setahun.

"Ini menunjukkan bahawa pendekatan pengurusan pelaburan yang teliti dengan diversifikasi portfolio yang seimbang memberi hasil yang sangat baik kepada semua pemegang akaun," katanya.

Ketika ini, DPK menguruskan hampir RM273 juta dana pelaburan yang melibatkan pelbagai portfolio jangka pendek dan panjang termasuk dalam sektor pertanian, IPO MITI, hartanah dan perkhidmatan pembiayaan.

Sehingga kini, pembiayaan terkumpul lebih RM35 juta telah disalurkan kepada projek-projek pertanian seperti sawit, fertigas, stesen minyak serta pembelian jentera, termasuk kolaborasi dengan Bahagian Kejenteraan NAFAS.



Haris dan Mohamad bersama penerima ejen terbaik DPK dan kutipan tertinggi tahun 2020-2024.

22/5/2025

HARAKAH

SG4:

H14

TERENGGANU

Terengganu hampir capai pengeluaran padi tertinggi negara

KEMAMAN: Terengganu terus mencipta pencapaian membangsangkan dalam sektor pertanian apabila Kawasannya Pembangunan Pertanian Bersepadu Terengganu Utara (IADA KETARA) di Besut berjaya mencatatkan purata pengeluaran padi sebanyak 5.2 tan metrik sehektar.

Jumlah itu menjadikan Terengganu sebagai negeri kedua tertinggi dalam pengeluaran padi negara selepas Pulau Pinang yang merekodkan 5.6 tan metrik sehektar, sekaligus menunjukkan potensi besar pertanian di negeri ini.

Pengerusi Jawatankua-

sa Pertanian, Industri Asas Tani, Keterjaminan Makanan dan Komoditi negeri, Dato' Dr. Azman Ibrahim berkata, pencapaian itu membuktikan keupayaan Terengganu untuk bersaing dengan negeri pengeluaran utama, meskipun sering dipandang kecil dari segi skala.

"5.2 ini sebenarnya angka yang tertinggi dalam negara selepas Pulau Pinang. Purata pengeluaran per hektar paling tinggi adalah 5.6 sahaja di IADA Pulau Pinang," katanya.

Beliau berkata demikian ketika berucap dalam Program Ramah Mesra dan Dia-

log Kelompok Tani & Pesawah Padi di Rumah Tani, Kampung Dadong, di sini, pada Ahad.

Turut hadir, Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Air Putih, Mohd Hafiz Adam; Pengarah Jabatan Pertanian Negeri, Dr. Sukati Sakka dan Pegawai Daerah Kemaman, Ahmad Nazwawi Harun.

Mengulas lanjut, Azman berkata, meskipun negara jiran seperti Vietnam dan Thailand mempunyai kawasan penanaman yang jauh lebih besar dan mampu menanam sehingga tiga kali setahun, Terengganu memilih pendekatan yang lebih pragmatik dan

lestari.

"Kita di sini nak buat Paya Dadong dan Paya Paman daripada satu kali setahun kepada dua kali setahun sahaja.

"Kita tidak berhasrat untuk jadikan tiga kali setahun kerana kita faham dengan risiko bencana banjir yang dihadapi di kawasan ini," katanya.

Menurut beliau, faktor cuaca dan musim tengkujuh yang menyebabkan sawah bertukar menjadi 'laut' menjadikan penanaman sepanjang tahun tidak praktikal.

"Apabila monsun datang, semua orang kena berehat, tak boleh menanam," ujamnya.



Azman Ibrahim

22/5/2025

HARAKAH

SG4:

H14

TERENGGANU

Pertanian pelaburan masa depan, bukan pembaziran

KEMAMAN: Perbelanjaan dalam sektor pertanian sebagai pembaziran, sebaliknya menegaskan bahawa pelaburan dalam penanaman padi adalah langkah strategik untuk menjamin kemandirian makanan negeri dan negara.

Dato' Dr Azman Ibrahim berkata, sejak 2019, sebanyak RM1.576 juta telah disalurkan bagi menaik taraf kemudahan pertanian di Paya Dadong, termasuk sistem pengairan moden, jalan ladang dan pagar keselamatan.

"Kalau dikira jumlah itu dan dibahagi kepada 19 peserta, akan jadi RM82,000 seorang. Baik kita bahagi duit, tak payah tanam padi. Tapi kalau tiada beras, macam mana kita nak makan nasi?" soalnya menyanggah pandangan menganggap pertanian sebagai beban perbelanjaan.

Pengerusi Jawatankuasa Pertanian, Industri Asas Tani, Keterjaminan Makanan dan Komoditi Negeri itu berkata demikian ketika berucap dalam Program Ramah Mesra dan Dialog Kelompok Tani & Pesawah Padi di



Azman Ibrahim ketika berucap dalam Program Ramah Mesra dan Dialog Kelompok Tani & Pesawah Padi di Rumah Tani, Kampung Dadong.

Rumah Tani, Kampung Dadong, di sini, pada Ahad.

Turut hadir dalam program itu ialah Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Air Putih, Mohd Hafiz Adam; Pengarah Jabatan Pertanian Negeri, Dr. Sukati Sakka; serta Pegawai Daerah Kemaman, Ahmad Naz-

wawi Harun.

Menurut Azman, pendektan sama turut digunakan di kawasan Paya Paman, yang hanya melibatkan enam peserta tetapi menerima peruntukan sebanyak RM500,000, menjadikan puata perbelanjaan setiap peserta lebih tinggi, kira-kira

RM83,000.

"Prinsip kerajaan tetap sama, galakkan kerja, bukan beri tunai. Kalau kita bahagi kepada enam peserta, setiap orang akan dapat RM83,000, tapi kita tak buat begitu sebab kita nak tuan puan terus berusaha," katanya.

Beliau yang juga ADUN

Jabi turut berkongsi pengalaman sewaktu mula mendjawat jawatan Exco pada 2018, apabila didatangi seorang penasihatan kanan kepada pemimpin negara mempertikaikan fokus kerajaan negeri terhadap penanaman padi.

"Dia kata petani tetap miskin, lebih baik beli saja beras dari luar. Tak perlu subsidi, tak perlu tali air, tak perlu buat empangan dan jalandang.

Saya kata, kita boleh beli kalau ada orang nak jual. Tapi kalau sampai masa kita ada duit tapi tiada siapa nak jual, kita boleh beli tak?" katanya.

Beliau berkata, kejadian sekatan eksport beras oleh negara-negara seperti Vietnam, Thailand dan Indonesia sudahpun berlaku, menunjukkan bahawa bergantung kepada pasaran luar bukanlah satu jaminan.

"Polisi mana-mana negara mesti mencukupkan makanan untuk rakyat dulu sebelum dibenarkan eksport. Orang bijak pernah kata, ketika krisis makanan, orang paling kaya ialah orang yang ada makanan," ujarnya.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
22/5/2025	SINAR HARIAN	NEGERI	25

LUAS siasat premis ternak lembu berhampiran Sungai Langat

SHAH ALAM - Lembaga Urus Air Selangor (LUAS) telah membuka satu kertas siasatan terhadap sebuah premis penternakan lembu di kawasan rizab kerajaan di Kampung Sungai Long berhampiran Sungai Langat, Hulu Langat.

Exco Kesihatan Awam dan Alam Sekitar, Jamaliah Jamaluddin berkata, siasatan dijalankan susulan laporan penduduk yang mendakwa operasi itu menyebabkan pencemaran air sungai.

"LUAS telah menjalankan pemeriksaan pada 20 Mac lalu dan mengesahkan kewujudan aktiviti penternakan lembu di lokasi terbabit," katanya dalam satu kenyataan pada Rabu.

Menurutnya, walaupun tiada sisa dikesan mengalir ke sungai hasil penggunaan sistem *closed circuit*, siasatan tetap dibuka atas dua kesalahan.

Jamaliah menjelaskan, sampel air juga telah diambil pada 16 April lalu di kawasan yang dipercayai terjejas ketika hujan dan dihantar ke Jabatan Kimia untuk analisis lanjut.

"Kertas siasatan kini sedang dilengkapi untuk dibawa kepada Timbalan Pendakwa Raya bagi cadangan



JAMALIAH

kompaun," tambahnya.

Sementara itu, di **JOHOR BAHRU**, kira-kira 100,000 akaun pengguna di sekitar daerah ini terjejas berikutan gangguan bekalan air susulan kerosakan luar jangka pada pam utama yang menyalurkan air ke Loji Rawatan Air (LRA) Sungai Johor.

Exco Kerja Raya, Pengangkutan dan Infrastruktur Johor, Mohamad

Fazli Mohamad Salleh berkata, kerosakan itu menyebabkan operasi LRA Sungai Johor terpaksa dihentikan sepenuhnya sejak petang Selasa.

Beliau berkata, gangguan itu mengakibatkan 318 juta liter sehari (MLD) tidak dapat diagihkan kepada pengguna di kawasan terbabit.

"Sebagai langkah segera, pengolahan se-

mula sumber air sedia ada telah dilaksanakan dan berjaya menyelamatkan kira-kira 11,000 akaun pengguna daripada terjejas," katanya dalam kenyataan pada Rabu.

Mengulas lanjut, Mohamad Fazli berkata, kerja-kerja pembaikan giat dijalankan dan setakat Rabu mencapai 15 peratus kemajuan.



Laporan Sinar Harian pada Ahad lalu.

Tanam durian Musang King di tanah Felda

Oleh MOHAMAD SHOFI MAT ISA
shofi.isa@mediamulia.com.my

KUANTAN: Kerajaan melalui Felda perlu memperkasakan kawasan tanah-tanah rancangan dengan menanam durian termasuk baka Musang King.

Presiden Persatuan Ekologi Malaysia (PEM), Profesor Dr. Ahmad Ismail berkata, isu penerokaan haram bagi menanam Musang King khususnya di negeri ini membuktikan bahawa perniagaan itu betul-betul memberikan pulangan lumayan.

"Kita ambil contoh di Pahang, isu penerokaan haram untuk menanam durian telah lama berlarutan selama lebih 40 tahun membabitkan lebih 14,000 hektar tanah kerajaan termasuk lebih 5,000 hektar hutan simpanan kekal (HSK).

"Ia suatu yang tragis dan menyakitkan seperti mana titah Sultan Pahang, Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah.

"Jadi, sampai masanya kerajaan memperkasakan kawasan tanah rancangan Felda dalam usaha menyokong komoditi baru negara. Kalau setiap peneroka tanam 10 pokok durian, kira-kira satu juta pokok dapat dihasilkan jika 100,000 peneroka berbuat demikian," katanya kepada *Utusan Malaysia* di sini semalam.

Mengulas lanjut, Ahmad berkata, kerajaan khususnya Felda perlu melaksanakan program khas dalam menghadapi kecelaruan ekonomi dunia dan keterjaminan makanan negara.

"Melalui sistem yang sistematis akan dapat mengangkat martabat dan melonjakkan ekonomi lebih 100,000 peneroka seluruh negara. Apatlah lagi mereka dibantu dengan kemudahan sedia ada termasuk teknologi dan inovasi, bakat yang berpengetahuan serta berkemahiran tinggi.

"Ia bukan sahaja membantu masyarakat Felda tetapi dalam masa sama memperkasakan ekonomi negara. Seluruh jentera kerajaan dan pakar dalam industri ini mesti yakin dengan usaha kerajaan dalam melonjakkan kualiti hidup masyarakat Felda," katanya.

Berhubung isu penerokaan tanah kerajaan khususnya di negeri ini, beliau berkata, sekiranya kawasan diteroka adalah HSK, pendekatan khusus perlu diambil oleh Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia (JPSM).

"Perkara ini sudah berlanju-

Sampai masanya kerajaan memperkasakan kawasan tanah rancangan Felda dalam usaha menyokong komoditi baru negara. Kalau setiap peneroka tanam 10 pokok durian, kira-kira satu juta pokok dapat dihasilkan jika 100,000 peneroka berbuat demikian."

PROFESOR DR. AHMAD ISMAIL

tan sekian lama sehingga durian sudah mengeluarkan hasil dan perbicaraan panjang untuk mendapatkan keputusan ke atas kes pencerobohan haram ini.

"Oleh kerana kawasan yang terlibat adalah hutan simpan, mungkin ia perlu dipulihkan segera kawasan yang diteroka haram ini selain daripada tindakan undang-undang sepatutnya," katanya.

Menurutnya, tindakan segera pemuliharaan mesti diambil dengan menanam semula pokok-pokok hutan yang asal dan sesuai atas nasihat pakar seperti Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM) dan Jabatan Perlindungan Hidupan Liar dan Taman Negara (Perhilitan).

"Semua penduduk tempatan seperti masyarakat di kawasan Felda berdekatan dan Orang Asli boleh mendapat manfaat daripada proses pemuliharaan hutan yang diteroka haram berkenaan melalui aktiviti penyediaan anak-anak pokok berkaitan dan proses menanam semula pokok hutan.

"Sepatutnya program penyediaan benih ini berlaku selari dengan semua proses yang berlaku sepanjang kes berjalan. Memandangkan Pahang kaya kepelbagaian biologi dan banyak manfaat daripadanya, maka pemuliharaan hutan simpan yang diteroka haram mesti dilakukan," katanya.

22/05/2025

KOSMO

NEGARA

12

UDANG MERAH

Udang merah kini 'raja buah'

- **Musang king, duri hitam dijual harga 'kayangan'**
- **Pelancong China, Australia mula buat tempahan**

Oleh NOOR HASLIZA NUSI

GEORGE TOWN – Durian udang merah kini menjadi rebutan dalam kalangan peminat raja buah 'menewaskan' durian super premium iaitu musang king, duri hitam dan tupai king kerana harganya yang lebih berbaloi dan mampu milik.

Malah, penjualan durian premium dengan harga RM48 sekilogram itu juga meningkat sebanyak 30 peratus berbanding raja buah jenis lain.

Tupai king dijual kira-kira RM90 sekilogram, musang king RM80 sekilogram dan duri hitam dipasarkan RM78 sekilo.

Seorang pengusaha di Balik Pulau dikenali sebagai Tan, 33,

berkata, selain harga tupai king yang melonjak naik kepada RM90 sekilogram, keenakan udang merah yang dirasakan sama dengan durian premium itu menjadi antara punca ramai bertukar se-lera.

"Duri hitam atau black thorn yang sebelum ini diminati ramai kaki durian kerana isinya tebal, bentuk buahnya yang bulat, cantik dan pekat kali ini juga sudah ditawarkan dengan udang merah," katanya kepada *Kosmo!* di sini semalam.

Menurutnya, durian duri hitam kurang digemari bukan kerana buah super premium itu tidak sedap tetapi pengeluarannya pada musim kali ini berkurangan iaitu hanya 30 peratus.

"Kekurangan pengeluaran buah duri hitam berlaku akibat hujan sekali gus menyebabkan bunganya lambat menjadi buah," ujarnya.

Tan memberitahu, majoriti pelancong luar negara masih menjangka musang king sebagai pilihan utama berbanding

penggemar tempatan yang dilihat telah beralih tumpuan kepada udang merah.

"Ketika ini, ramai peminat durian dari luar negara terutama di China dan Australia mula membuat tempahan termasuk ada mengatakan mereka akan ke sini untuk merasai sendiri durian.

"Kali ini, semua pelanggan yang menghubungi kami pakat mencari udang merah. Sedangkan buah itu sebelum ini hanya diminati dalam kalangan peminatnya sahaja," ujarnya.

Seorang pelancong dari Thailand yang juga penggemar durian, Phak, 30-an, berkata, dia sanggup datang ke Balik Pulau semata-mata mahu merasai kenikmatan udang merah.

"Rasanya lain dari yang lain dan ini kali kedua saya merasainya. Rasa udang merah boleh membawa kegembiraan. Setelah tujuh bulan pulang ke Thailand, saya masih ingat lagi rasanya.

"Kali ini, saya seorang makan tujuh biji durian udang merah, janji saya puas," katanya.



UDANG MERAH yang dijual RM48 sekilogram mendapat permintaan tinggi daripada penggemar durian tempatan.